

# Tamu Gadang, Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMSKAL 16 Nov

UG 26.10.13 82

LABUAN: Seramai 320 peserta akan menyertai Majlis Perarakan Berjubah Graduan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) ke-5 2013 pada 16 November depan.

Mereka terdiri daripada pegawai utama UMS, ahli-ahli senat, pensyarah dan graduan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) serta Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Perarakan sejauh satu kilometer itu bermula pukul 8.30 pagi dari Menara Perbadanan Labuan ke Dataran Labuan dengan tema 'Universiti dan Komuniti: Kesepaduan Demi Kedaulatan Negara'.

Program yang diadakan sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-15 di Kota Kinabalu pada 22 hingga 27 November ini merupakan satu simbolik hubungan erat antara Perbadanan Labuan yang mewakili warga Wilayah Persekutuan Labuan dengan warga UMS.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, majlis itu juga sebagai tanda terima kasih atas kesediaan penduduk Labuan menerima warga UMSKAL sebagai komponen penting dalam masyarakat setempat.

Majlis itu akan dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd Nadzri Osman dan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

UMS akan diwakili Timbalan-Timbalan Naib

Canselor, Prof Dr Shariff AK Omang, Prof Dr Shahril Yusof dan Prof Madya Datuk Dr Mohd Kasim Md Mansur serta Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said.

Pada majlis itu, Mohd Harun yang mewakili UMS dan Perbadanan Labuan diwakili Mohd Nadzri menandatangani skrol mohon keizinan dan menyampaikan kunci dan sijil kepada wakil graduan sebagai tanda keizinan graduan menjadi warga Wilayah Persekutuan Labuan.

UMS merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang pertama di negara ini menganjurkan Majlis Perarakan Berjubah Graduan itu yang pernah diadakan di beberapa universiti ternama di luar negara.

Kewujudan UMSKAL ternyata membawa kesan yang sangat besar dalam pelbagai bidang yang merangkumi pembangunan, ekonomi, budaya, pertambahan penduduk, pelancongan dan kemasyarakatan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Turut menjayakan majlis itu ialah pancaragam PDRM Kontinjen Kepayan, Pasukan Simpanan Tentera Udara (Palapes) UMS-KAL, Siswa Pertahanan Awam UMSKAL dan kumpulan koir Perbadanan Labuan.

Majlis Perarakan Berjubah Graduan 2013 turut mendapat kerjasama daripada PDRM, Jabatan Penerangan, Jabatan Penyiaran dan Jabatan Pertahanan Awam.

Hampir 2,000 pelajar tempatan dan antarabangsa sedang mengikuti pengajian

di SPKAL dan SSIL yang menawarkan program berkaitan kewangan dan perbankan serta teknologi komunikasi maklumat (ICT).

Sementara itu, pelbagai acara akan diadakan sempena Tamu Gadang UMSKAL pada 13 hingga 17 November 2013 sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-15 peringkat UMSKAL 2013.

Antaranya ceramah dan pameran pendidikan, autoshow, pameran kesihatan, gerai jualan, mewarna, memancing, marhaban, acara kebudayaan dan sukan rakyat yang diadakan di sekitar kampus.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali mengalu-alukan kehadiran warga Wilayah Persekutuan Labuan untuk memeriahkan sambutan Tamu Gadang 2013.

Selain Majlis Perarakan Berjubah Graduan pada 16 November, UMSKAL akan mengadakan Majlis Penghargaan Graduan (MPG) di Kota Kinabalu pada 23 November depan.

Dr Ismail berkata semua program itu diadakan untuk mengiktiraf kejayaan cemerlang pelajar UMSKAL selama tiga tahun berada di Labuan.

Selain itu, program Tamu Gadang untuk mengeratkan lagi hubungan warga UMSKAL dengan masyarakat setempat di Wilayah Persekutuan Labuan.

Sebarang maklumat dan borang penyertaan sila hubungi dengan urusetia 087-460409 / 087-466755